

Kerjasama Sempadan Malaysia-Indonesia Untuk Meningkatkan
Keselamatan Sempadan Sarawak–Kalimantan:
Syor Untuk Rangka Kerja Baharu

*Malaysia-Indonesia Border Cooperation To Enhance
Sarawak–Kalimantan Border Security:
Recommendations For New Framework*

NORAINI ZULKIFLI¹, AMER FAWWAZ MOHD YASID^{2*}, AZRUL AZLAN ABDUL RAHMAN³

^{1,3}*Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-undang (JHAKU),
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan (FPPP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM),
Kem Perdana Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia*

²*Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3, Persiaran Seremban Tiga 1, Seremban 3,
70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia*

Corresponding author: amerfawwaz@uitm.edu.my

Received: 07 July 2024 Accepted: 16 December 2024

Abstrak

Sempadan darat Malaysia terdedah kepada ancaman tradisional dan keselamatan bukan tradisional. Ancaman keselamatan tradisional atau keselamatan konvensional adalah bentuk ancaman terhadap keselamatan negara melibatkan aspek ketenteraan atau ancaman fizikal yang datang dari luar. Manakala, ancaman keselamatan bukan tradisional melibatkan pelaku bukan negara (*non-state actors*), jenayah rentas sempadan yang bersifat asimetrik serta memberi impak kepada sektor sosial, politik, ekonomi dan alam sekitar. Malaysia mempunyai persempadanan darat yang Panjang dengan negara Indonesia iaitu 1,881 km dari Sarawak ke Sabah. Kajian ini bertujuan untuk memberi syor untuk rangka kerja baharu bagi keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan, Indonesia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana sebahagian daripada data dikumpulkan melalui data sekunder yang diperoleh melalui kajian perpustakaan. Ini termasuk buku akademik, artikel jurnal, dan laporan sulit yang dikeluarkan (domain awam) serta polisi keselamatan dan pertahanan kerajaan. Manakala data primer diperoleh melalui kajian lapangan dan temu bual bersemuka dengan pakar dan pegawai yang terlibat secara langsung dalam topik kajian dari Malaysia dan Indonesia. Konsep Keselamatan Nasional telah digunakan untuk menjelaskan kajian ini. Hasil kajian ini adalah Kerajaan Malaysia cuba bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia untuk mengatasi ancaman yang wujud. Selain itu, Kerajaan Malaysia juga telah mempergiatkan rondaan dan menambah pos kawalan anggota keselamatan di sepanjang sempadan. Kerjasama tidak hanya melibatkan polis, tentera tetapi juga pihak Imigresen, Kastam dan Majlis Keselamatan Negara. Ini kerana setiap agensi dan kementerian perlu bekerja dengan satu sama lain untuk membolehkan aktiviti koordinasi meningkatkan keselamatan negara.

Kata kunci: Indonesia; Malaysia; Keselamatan Nasional; Kerjasama Keselamatan; Sempadan Sarawak-Kalimantan

Abstract

Malaysia's land borders are vulnerable to traditional threats and non-traditional security. Traditional security threats or conventional security threats are a form of threat to national security involving military aspects or physical threats that come from outside. Meanwhile, non-traditional threats to safety involve non-state actors, cross-border crimes that are asymmetrical and have an impact on the social, political, economic and environmental sectors. Malaysia has a long land border with Indonesia which is 1,881 km from Sarawak to Sabah. This study aims to make recommendations for a new framework for border security between Sarawak – Kalimantan, Indonesia. This study uses a qualitative method where part of the data is collected through secondary data obtained through library studies. This includes academic books, journal articles, and confidential reports issued (public domain) as well as government safety and defense policies. Meanwhile, primary data was obtained through field studies and face-to-face interviews with experts and officials directly involved in the study topics from Malaysia and Indonesia. The concept of National Security has been used to explain this study. The result of this study is that the Government of Malaysia is trying to work with the Government of Indonesia to overcome the existing threats. In addition, the Malaysian Government has also intensified patrols and increased security guard checkpoints along the border. Cooperation not only involves the police, military but also Immigration, Customs and the National Security Council. This is because every agency and ministry needs to work with each other to enable coordination activities to enhance national security.

Keywords: Indonesia, Malaysia; National Security; Sarawak-Kalimantan Border; Security Cooperation

Pengenalan

Sejarah persempadanan darat antara Sarawak, Malaysia dan Kalimantan, Indonesia, bermula pada abad ke-19. Pembahagian wilayah di Borneo ini mendapat perhatian apabila James Brooke tiba di Sarawak pada tahun 1841. Kehadiran beliau dianggap sebagai ancaman oleh Belanda yang menguasai Hindia Belanda (sekarang Indonesia). Ini mendorong Gabenor Jeneral Belanda, JJ Rochussen, mengeluarkan dekri pada Februari 1846 yang menggariskan kepentingan daratan Belanda di Borneo.¹ Dekri ini menjadi asas kepada Perjanjian British-Belanda 1891 yang menetapkan sempadan berdasarkan aliran sungai di Borneo. Sempadan darat ini terbentang dari Tanjung Datu di barat laut Borneo melalui tanah tinggi pedalaman Borneo ke Teluk Sebatik dan Laut Celebes di sebelah timur. Sempadan ini memisahkan wilayah Indonesia yang terdiri dari Kalimantan Utara, Kalimantan Timur, dan Kalimantan Barat daripada wilayah Sabah dan Sarawak di Malaysia. Terdapat hanya tiga lintasan sempadan darat rasmi antara Sarawak dan Kalimantan Barat, iaitu di Tebedu-Entikong, Biawak-Aruk, dan Lubok Antu-Badau.²

Perdagangan lintas sempadan antara Sabah-Sarawak dan Kalimantan secara informal telah wujud sejak sebelum konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia berlaku pada tahun 1962-1966.³ Sejak kebelakangan ini, hubungan antara Malaysia dan Indonesia dihangatkan oleh beberapa isu penyeludupan lintas sempadan termasuklah sempadan Sarawak-Kalimantan Barat.⁴ Seiring dengan berlalunya waktu, isu-isu aktiviti jenayah rentas sempadan telah meningkat secara signifikan dan memberi impak yang serius terhadap keselamatan dan kedaulatan Malaysia. Isu-isu aktiviti jenayah rentas sempadan ialah aktiviti yang dilakukan melintasi sempadan yang secara langsung atau tidak langsung yang mengancam keselamatan negara.⁵ Aktiviti jenayah rentas sempadan adalah isu keselamatan bukan tradisional yang semakin berkait rapat dengan Kumpulan Jenayah Terancang. Jenayah ini berlaku dalam pelbagai bentuk seperti pengedaran dadah, perdagangan

manusia, penyeludupan senjata, *Kidnapping for Ransom* (KFR), menangkap ikan secara haram, penyeludupan barangan terlarang dan memburu hidupan liar. Isu-isu yang berlaku secara aktif dan agresif dalam beberapa tahun terakhir menyebabkan cabaran terbesar kepada agensi keselamatan dan penguatkuasaan.⁶ Sementara itu, lokasi dan kemakmuran Malaysia yang strategik menarik perhatian pelaku jenayah untuk mencari peluang. Malaysia merupakan sebuah negara maritim di Asia Tenggara, yang dikelilingi oleh Laut China Selatan dan Lautan Pasifik, serta Selat Melaka dan Lautan Hindi.⁷ Malaysia terletak di dalam garis laut strategik dan mempunyai sempadan yang luas. Di bahagian utara Semenanjung Malaysia, Malaysia berkongsi sempadan darat dengan Thailand dan Singapura di bahagian selatan. Selat Melaka di sebelah barat daya Semenanjung Malaysia merupakan kawasan penghantaran paling sibuk, dengan pulau Sumatera terletak di seberang selat. Kalimantan dan Brunei berkongsi sempadan darat dengan Malaysia Timur di Pulau Borneo dan terpisah dari Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan. Indonesia dan Filipina di timur dipisahkan oleh Lautan Sulu dan Sulawesi.⁸

Salah satu isu yang berlaku adalah sempadan yang luas dan poros di sempadan Sarawak-Kalimantan yang menyebabkan cabaran kepada agensi penguatkuasa untuk menjaga sempadan.⁹ Penjenayah dan kumpulan jenayah terancang telah memanfaatkan keporosan sempadan untuk melaksanakan aktiviti jenayah rentas sempadan.¹⁰ Kemunculan ancaman keselamatan bukan tradisional di sempadan Sarawak-Kalimantan telah mengubah dimensi keselamatan ke arah yang lebih kompleks dan dinamik. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang meluas untuk memastikan keselamatan dalaman dan luaran negara sentiasa terjamin. Aktiviti jenayah rentas sempadan ditakrifkan sebagai pelanggaran undang-undang oleh lebih daripada satu negara.¹¹ Aktiviti jenayah rentas sempadan secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi sempadan negara dan jenayah yang dilakukan dalam satu negeri tetapi melanggar nilai-nilai asas komuniti antarabangsa.¹² Terdapat beberapa titik lintas haram rentan terhadap gangguan aktiviti jenayah rentas sempadan ditubuhkan di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan.¹³ Oleh kerana keselamatan sempadan telah menjadi agenda utama keselamatan nasional Malaysia, ia memerlukan pemacu untuk meningkatkan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan dengan melihat kepada kerjasama timbal balik agensi sempadan antara pihak berkuasa Malaysia dan Indonesia.

Sorotan Literatur

Kajian ini mempunyai tiga (3) tema Kajian Literatur iaitu:

i. Ancaman keselamatan di sempadan darat Malaysia

Laluan hutan dan lorong tikus sering digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah dari Thailand untuk membawa masuk dadah ke Malaysia. Penggunaan lorong tikus merupakan kaedah yang efektif dalam menyeludup dadah atau barangan haram ke negara asing.¹⁴ Sindiket penyeludupan dadah antarabangsa menggunakan manusia sebagai pengangkutan utama untuk menyeludup heroin merentasi sempadan negara Myanmar, Laos, dan Thailand ke negara luar bagi memenuhi permintaan pasaran dadah antarabangsa. Keadaan ini menunjukkan wujudnya masalah kemasukan dadah secara haram melalui kawasan sempadan Malaysia-Thailand yang berlaku secara berleluasa. Kewujudan laluan lorong tikus di sepanjang kawasan Sungai Golok menyebabkan aktiviti penyeludupan barangan secara harian oleh penduduk tempatan.¹⁵ Keadaan bertambah rumit apabila terdapat pengkalan haram yang dibina oleh penduduk tempatan di sekitar tebingan Sungai Golok sejak awal tahun 1980-an, yang merancakkan lagi aktiviti penyeludupan. Faktor tekanan ekonomi menyebabkan segelintir penduduk tempatan direkrut oleh kumpulan penjenayah untuk menjalankan penyeludupan barangan

haram seperti dadah dan senjata api dari Thailand ke Kelantan.

Masalah di sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thailand turut melibatkan kegiatan penyeludupan senjata api dari Thailand ke Malaysia. Bekalan senjata api tersebut diperoleh hasil daripada peninggalan Tentera Amerika Syarikat yang mengalami kekalahan ketika Perang Vietnam, di mana sejumlah besar senjata telah ditinggalkan ketika proses pengunduran dari Vietnam pada tahun 1975.¹⁶ Senjata tinggalan Tentera Amerika Syarikat dijual oleh pengedar senjata haram kepada kumpulan penyeludupan, termasuk sindiket penyeludupan dadah antarabangsa yang beroperasi di Thailand. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan ancaman terhadap keselamatan sempadan negara Malaysia melalui kemasukan senjata api secara haram oleh sindiket penyeludupan. Walaupun terdapat 17 agensi yang berkawal di sempadan darat pintu masuk utama negara serta undang-undang senjata api yang ketat, penyeludupan senjata api kecil dan ringan serta jenayah berkaitannya semakin meningkat. Kerap keluar masuk di pintu sempadan Malaysia-Thailand, kelemahan penguatkuasaan sempadan, kurang pemeriksaan, tiada pelaksanaan pemeriksaan 24 jam, dan hanya pemeriksaan rambang untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas serta kewujudan laluan tikus adalah antara punca berlakunya peningkatan penyeludupan senjata api kecil dan ringan di sempadan Malaysia-Thailand.

Peranan AKSEM dalam menangani penyeludupan rokok di pantai timur Semenanjung menjadi penting kerana, berbanding dengan kawasan yang bersempadanan di pantai barat Semenanjung Malaysia, bahagian sempadan yang terletak di pantai timur tidak memiliki tembok mahupun pagar sempadan.¹⁷ Hal ini berikutan keadaan geografi di sempadan tersebut, di mana jarak sungai daripada Sungai Tak Bai ke Sungai Golok serta sempadan sungai Kelantan-Thailand yang begitu sempit. Faktor geografi ini menyebabkan perairan Sungai Golok dieksploitasi dengan begitu profesional sehingga memberi pulangan berganda kepada penyeludup.

Ancaman keselamatan di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan adalah aktiviti penyeludupan barangan haram serta kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), disebabkan kedudukan kawasan sempadan yang jauh terpencil dan kurang membangun.¹⁸ Aktiviti jenayah rentas sempadan kerap kali berlaku di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan disebabkan kewujudan "lorong-lorong tikus" yang digunakan oleh kumpulan penyeludup dan penjenayah untuk masuk dan keluar dari Malaysia tanpa dikesan dengan mudah oleh pihak berkuasa. Malahan, rakyat Indonesia yang menetap di sekitar kawasan sempadan turut menggunakan lorong-lorong tikus sebagai kemudahan untuk bergerak dari Kalimantan ke Sarawak, sebagai jalan pintas bagi menjimatkan masa, selain tidak perlu melalui kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin (CIQ) bagi tujuan pemeriksaan keselamatan dan dokumentasi. Penduduk tempatan di sekitar kawasan Kalimantan Barat sering menggunakan jalan tikus untuk ke pekan Sarikin, Sarawak bagi melakukan aktiviti harian seperti mendapatkan barangan keperluan harian atau untuk pergi bekerja ke pekan berdekatan seperti Bau. Kewujudan lorong-lorong tikus ini tidak dapat dikawal oleh agensi penguatkuasaan keselamatan sempadan kedua-dua negara, memandangkan kewujudan lorong tikus ini telah wujud sejak zaman pemerintahan kolonial Inggeris di Sarawak lagi. Masalah jenayah rentas sempadan yang disebabkan oleh kewujudan lorong-lorong tikus merupakan masalah utama yang perlu dihadapi oleh agensi penguatkuasaan keselamatan sempadan kedua-dua negara. Sekiranya masalah ini tidak diselesaikan, ia akan menimbulkan ancaman keselamatan kepada Malaysia, khususnya kepada keselamatan dalam negeri Sarawak.

Masalah sempadan negara yang tidak jelas dan terlalu luas menyebabkan sering kali berlakunya pertelingkahan antara kerajaan Malaysia dan Indonesia berkaitan kedudukan tepat kawasan sempadan Sarawak-Indonesia. Pada masa yang sama, aktiviti jenayah rentas sempadan turut berlaku di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan, melibatkan aktiviti kecurian kenderaan pacuan empat roda yang dijalankan oleh sindiket jenayah dari Sarawak untuk dijual ke Kalimantan. Tambahan pula, masalah kemasukan PATI turut berlaku di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan melibatkan kemasukan

PATI dari Indonesia melalui jalan darat dan jalan air. Berdasarkan maklumat di atas, keadaan ini menunjukkan wujudnya ancaman keselamatan di sekitar kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan yang berorientasikan masalah jenayah rentas sempadan.

ii. *Sistem pengurusan kawalan sempadan*

Pihak keselamatan Thailand sangat mengambil berat tentang hubungan rentas sempadan antara penduduk tempatan Malaysia dan Thailand. Rakyat Thailand dan Malaysia yang tinggal di sekitar sempadan Narathiwat dan Kelantan mempunyai hubungan etnik, agama, dan persaudaraan. Pihak keselamatan Thailand menganggap penyeberangan sempadan tanpa pengawasan membolehkan pemberontak Thai melarikan diri dengan mudah ke Malaysia.¹⁹ Akibat kebimbangan ini, pihak berkuasa Thailand mengambil banyak langkah keselamatan, termasuk kerja risikan, menghapuskan dua kewarganegaraan, dan mengawal semua sempadan. Pengkaji turut mencadangkan bahawa selain pengurusan sempadan oleh tentera, mempunyai agensi atau jawatankuasa awam untuk menyelia pembangunan kawasan sempadan akan menjadi lebih fleksibel dan mewujudkan suasana yang lebih baik.

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) diwujudkan dengan menaik taraf Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) yang ditubuhkan pada 26 Jun 1976 bertujuan membanteras kegiatan penyeludupan dan kemasukan secara haram pendatang asing di sempadan Malaysia-Thailand. Unit ini dibentuk melalui gabungan keanggotaan daripada tiga agensi induk iaitu PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, dan Jabatan Imigresen Malaysia. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa tahap integriti melalui konteks disiplin, komitmen, dan etika dalam kalangan penguatkuasa AKSEM yang terdiri dari tiga gabungan agensi induk berada di tahap yang menepati matlamat dan kriteria kefungisian dalam mempertahankan negara daripada aspek keselamatan, sesuai dengan keperluan rekrutmen demi memastikan kestabilan pertahanan di sempadan negara terjamin.²⁰

Kerjasama dua hala Malaysia-Thailand sangat penting dalam menangani pelarian warga Selatan Thailand akibat isu pergolakan yang berlaku di wilayah Patani, Songkhla, dan Narathiwat. Risiko puak pengganas meloloskan diri ke sempadan Malaysia adalah tinggi. Disebabkan itu, kedua-dua negara melaksanakan kerjasama militer dalam memperkukuhkan kawalan sempadan di Sungai Golok (Thailand) dan Rantau Panjang Kelantan (Malaysia) serta bahagian Kedah dan Perlis. Kedua-dua negara juga sedang menjalankan kaji selidik pembinaan sebuah tembok di beberapa bahagian garis sempadan. Pendekatan yang aktif dan efektif oleh Malaysia telah menjadikan usahasama ini berhasil dan boleh dinikmati bersama rakan kongsinya serta memberikan imej yang baik kepada Malaysia. Penggunaan teknologi AI untuk menyokong tenaga kerja yang terhad di sempadan tanah air adalah penting untuk menangani ancaman keselamatan dan kedaulatan negara.²¹ Teknologi AI boleh membantu dan melengkapkan langkah keselamatan sempadan sedia ada dengan cara yang berkesan, strategik, dan lebih selamat. Teknologi AI juga boleh membuat pelbagai sumbangan dalam bidang dan fungsi tertentu dalam kawalan sempadan seperti pengumpulan data yang lebih baik, pemantauan berterusan tepat pada masanya, menerima arahan, meningkatkan pembuatan keputusan, dan prestasi di sempadan tanpa banyak penyeliaan dan campur tangan manusia. Negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, China, dan beberapa negara EU telah mula menggunakan teknologi ini dalam kawalan sempadan negara mereka.

Malaysia dan Thailand mengiktiraf kepentingan kerjasama sempadan dalam memastikan keselamatan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, dan meningkatkan hubungan dua hala, terutamanya di Wilayah Ekonomi Koridor Utara Malaysia yang bersempadan dengan selatan Thailand.²² Kedua-dua kerajaan bekerjasama untuk menyediakan persekitaran yang selamat di sepanjang sempadan bersama, membolehkan pergerakan bebas perdagangan, pelancongan, dan orang

ramai sambil menyelesaikan masalah keselamatan bukan tradisional dengan berkesan. Tadbir urus rentas sempadan antara Malaysia-Thailand ini membawa kepada peningkatan kesejahteraan ekonomi negeri-negeri utara Semenanjung, iaitu Perlis dan Kedah, serta wilayah selatan Thailand, khususnya Satun dan Songkhla.

iii. *Pelaksanaan Single Border Agency (SBA)*

Sistem pengurusan sempadan yang diselaraskan, jika dilaksanakan dengan betul, akan memberi manfaat besar kepada keselamatan negara dan menguntungkan sektor kerajaan dan swasta.²³ Sebelum 2001, fungsi sempadan Amerika Syarikat dibahagikan antara pelbagai jabatan persekutuan. Namun, selepas peristiwa 9 September 2001, Amerika Syarikat menyatukan sebahagian besar agensi yang terlibat dalam mengawal sempadan di bawah satu bumbung. Di New Zealand, strategi sektor sempadan 2008-2013 berfungsi sebagai 'rangka kerja untuk kerjasama agensi sektor sempadan' bertujuan menguruskan risiko dengan lebih baik dan menggunakan maklumat yang melibatkan semua agensi sempadan. Agensi pengurusan sempadan kekal berasingan, namun bekerjasama untuk mencapai matlamat yang sama.

Penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian sangat mengejutkan dan menunjukkan kelemahan dalam koordinasi dan kawalan sempadan di persempadanan darat Malaysia-Thailand.²⁴ Untuk memastikan kejadian serupa tidak berulang, cadangan untuk memperkasakan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) sebagai agensi tunggal seperti yang diperuntukkan dalam Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 [Akta 799] adalah penting. Pada masa ini, Kanada dan Australia telah pun melaksanakan *single border agency* di sempadan negara mereka. Penambahbaikan dalam pengurusan rentas sempadan, khususnya di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dan ICQS Padang Besar, perlu dipertingkatkan. Pada ketika ini, terdapat pelbagai agensi yang terlibat dalam kawal selia sempadan sehingga berlakunya pertindihan kuasa dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan sempadan.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa kerjasama sempadan Malaysia-Indonesia telah berjaya dalam mengurangkan kadar jenayah lintas sempadan. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang perlu diselesaikan untuk memastikan kelestarian kerjasama tersebut. Cabaran tersebut termasuk perbezaan dalam sistem undang-undang, halangan bahasa, dan kekurangan koordinasi di antara agensi penguatkuasa undang-undang. Untuk mengatasi cabaran ini, disyorkan untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam perkongsian maklumat, rondaan bersama, dan pembangunan kapasiti. Kerjasama sempadan Malaysia-Indonesia untuk meningkatkan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan adalah isu penting di Asia Tenggara. Literatur sedia ada menunjukkan bahawa kerjasama tersebut berjaya dalam mengurangkan kadar jenayah lintas sempadan. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang perlu diselesaikan untuk memastikan kelestarian kerjasama tersebut. Disyorkan untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam perkongsian maklumat, rondaan bersama, dan pembangunan kapasiti. Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan kerjasama keselamatan sempadan termasuk kepercayaan, ketelusan, saling hormat-menghormati, dan keterbukaan dalam perkongsian maklumat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ialah kaedah mengumpul data penyelidikan dengan menggunakan pelbagai sumber. Kaedah kualitatif mempunyai kelebihan dan kekuatan dalam memberikan penerangan yang terperinci dan mendalam mengenai masalah melalui rujukan kepada pelbagai sumber penyelidikan seperti proses temu bual dan pemerhatian di mana

penyelidik mesti hadir di lapangan untuk mendapatkan data secara langsung.²⁵ Walau bagaimanapun, kaedah kualitatif mempunyai beberapa kelemahan kerana kaedah ini tidak dapat digunakan untuk mendapatkan jawapan bagi soalan berangka atau menjawab soalan yang memerlukan penyelidik mengkaji punca masalah.²⁶ Terdapat dua jenis sumber yang difokuskan untuk mendapatkan maklumat penyelidikan iaitu sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama untuk kajian ini adalah melalui kaedah temu bual.

Sesi temu bual dengan responden dijalankan secara bersemuka dan tidak bersemuka. Kaedah temu bual bersemuka mempunyai kelebihan kerana ia membolehkan penyelidik belajar dan merasai pengalaman responden yang diterangkan oleh mereka semasa proses temu bual seperti perasaan (sedih, marah, gembira), tindakan, kejadian dan mendapatkan pengetahuan baru yang mungkin tidak tersedia melalui pembacaan.²⁷ Walau bagaimanapun, kaedah temu bual bersemuka mempunyai kelemahan kerana ia memerlukan masa dan kos kewangan untuk menjalankan proses temu bual serta masalah dari aspek memilih informan yang sesuai dan tepat untuk bidang tumpuan. Temu bual tidak bersemuka dijalankan bagi informan yang tidak dapat diwawancara bersemuka kerana halangan masa atau lokasi informan yang jauh melalui e-mel atau persidangan video dalam talian. Terdapat sebanyak 11 orang responden yang diwawancara dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada informan utama dan sekunder. Informan utama adalah informan yang terlibat secara langsung dalam bidang penguatkuasaan dan pencegahan dadah serta penduduk tempatan di kawasan penyelidikan. Informan dalam kajian ini terdiri daripada pengendali lapangan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan termasuk operasi serta Pasukan Gerakan Am Polis Diraja Malaysia (Briged Sarawak) dan Rejimen Sempadan Angkatan Tentera Malaysia.

Rujukan sekunder bagi bahan bukan cetakan seperti buku elektronik (E-buku) dan artikel jurnal dirujuk dengan melayari laman web operator seperti SCOPUS, JSTOR, Emerald, Taylor and Francis dan Routledge. Antara jurnal yang dirujuk ialah Kajian Malaysia: Jurnal Universiti Sains Malaysia, Jurnal Hubungan Internasional dan Strategik Universiti Malaya, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Jurnal Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Jurnal Jebat: Jurnal Sejarah, Politik & Strategi Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jurnal Geografia-Malaysian Journal of Society and Space Universiti Kebangsaan Malaysia. Terdapat juga tesis akademik yang dirujuk melalui sistem navigasi digital e-theses online service (EThOS) yang disediakan oleh British Library, United Kingdom.

Konsep Keselamatan Nasional dan Hubungannya dengan Keselamatan Sempadan

Konsep asas “Keselamatan Negara” boleh ditelusuri melalui Perjanjian Westphalia 1648, di mana konsep negara berdaulat yang dikawal oleh ketua negara, meletakkan asas bagi order global baru bagi negara bangsa. Dalam era globalisasi ini, ramai sarjana bersetuju bahawa keselamatan adalah “konsep yang dipertikaikan”, kerana konsep ini telah digugat kerana ditakrifkan secara sempit dan etnosentrik. Konsep keselamatan dihasilkan oleh banyak sarjana seperti Buzan,²⁸ Lippmann²⁹ dan Wolfers.³⁰ Buzan mengambil pandangan yang lebih besar mengenai keselamatan berdasarkan tahap dan sektor.³¹ Namun, dalam artikelnya yang bertajuk “*New Patterns of Global Security in the Twenty-First Century*”, Buzan menganalisis bahawa konsep keselamatan meliputi bukan sahaja faktor ketenteraan, tetapi juga faktor-faktor alam sekitar, sosial, politik, dan ekonomi. Sementara itu, untuk mengelakkan konflik, prinsip-prinsip asas negara tidak boleh dikorbankan, dan negara mesti mampu mengekalkannya dengan memenangi pertempuran.³² Selain itu, konsep keselamatan dalam sebarang maksud objektif mengukur ketiadaan cabaran terhadap nilai-nilai yang diperolehi, dan dalam maksud subjektif, ia mengukur ketiadaan kebimbangan bahawa nilai-nilai tersebut akan disoal.³³

Buzan telah menekankan lima perspektif asas keselamatan iaitu ketenteraan, politik, ekonomi, masyarakat, dan alam sekitar kerana lima aspek teras ini tidak bertindak secara berasingan, kerana mereka saling berkait rapat dalam satu rangkaian hubungan yang kompleks.³⁴ Oleh kerana kelima-lima asas ini tidak boleh diasingkan. Keselamatan Negara dalam konteks sistem antarabangsa adalah "keupayaan negara dan masyarakat untuk mengekalkan kemandirian dan integriti berfungsi mereka". Buzan menamakan bahawa perspektif asas pertama ialah Keselamatan Ketenteraan yang akan melibatkan penggunaan kekuatan kerana ia dapat mempengaruhi semua komponen negara. Oleh itu, ancaman ketenteraan dapat mengambil pelbagai tahap kepentingannya apabila ia berkaitan dengan keselamatan. Perspektif asas keselamatan kedua menurut Buzan ialah Keselamatan Politik. Keselamatan politik dapat mengambil bentuk persaingan ideologi atau serangan ke atas negara, ancaman seperti ini juga dilihat sebagai sumber kebimbangan yang berterusan bagi sebuah negara, walaupun ia lebih kompleks dan lebih sukar dikenal pasti daripada ancaman ketenteraan.

Keselamatan politik boleh diterjemahkan sebagai cara iaitu institusi kerajaan mempertahankan kewujudan negara mereka berdasarkan undang-undang dan perlembagaan. Kerajaan yang mempunyai sistem pentadbiran yang kuat dapat menghadapi sebarang ancaman keselamatan yang wujud sama ada dari dalam atau luar negara melalui penguatkuasaan sistem undang-undang dan pelaksanaan dasar keselamatan nasional yang bertujuan untuk memelihara legitimasi institusi politik dan kerajaan yang ditubuhkan. Konsep keselamatan politik sebagai ancaman yang wujud dengan tujuan untuk memberi tekanan ke atas kerajaan atau dasar yang dilaksanakan melalui tindakan untuk menjatuhkan kerajaan melalui revolusi atau pembentukan gerakan anti-kerajaan yang boleh melemahkan sistem politik, sistem pentadbiran serta kekuatan ketenteraan yang pada akhirnya boleh memusnahkan negara dan menyebabkannya runtuh.³⁵ Kerajaan yang stabil secara politik mempunyai tahap legitimasi yang tinggi daripada rakyat berdasarkan penglibatan rakyat yang memilih kerajaan untuk memimpin negara mereka melalui sistem pilihan raya yang sah. Apabila kerajaan menerima pengiktirafan legitimasi dari rakyat di negara itu, mereka akan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dipromulgasikan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, Buzan menekankan bahawa perbezaan dalam ideologi politik masih wujud di mana-mana negara dan perbezaan ini boleh membawa ancaman kepada keselamatan negara, terutamanya apabila perbezaan dalam ideologi politik boleh mencetuskan sentimen radikal dan fanatik di kalangan rakyat yang boleh mencipta peluang untuk mereka dieksploitasi oleh pihak tertentu untuk menjatuhkan sistem pentadbiran yang sedia ada.³⁶

Ketiga, walaupun Buzan mengalami kesulitan untuk menentukan perspektif asas keselamatan Ekonomi, Keselamatan Ekonomi lebih berkait rapat dengan Keselamatan Ketenteraan kerana had dan kekangan kewangan telah mengakibatkan Keselamatan Ketenteraan bergantung pada Keselamatan Ekonomi. Keselamatan Sosial pula, boleh ditakrifkan sebagai keseimbangan dan identiti yang boleh ditemui di kebanyakan negara di dunia ini. Oleh kerana Keselamatan Sosial berurusan dengan budaya dan identiti, jenis keselamatan ini juga berkaitan dengan Keselamatan Ketenteraan dan Politik. Akhir sekali, menurut Buzan, Keselamatan Alam Sekitar adalah yang paling kontroversi berbanding dengan perspektif asas keselamatan lain kerana ia kelihatan mustahil untuk dikawal dan menjadi ancaman global kerana ia akan membawa kesan yang meluas. Berdasarkan definisi di atas, kajian kes ini akan meliputi kesemua lima tonggak, iaitu Keselamatan Ketenteraan, Keselamatan Politik, Keselamatan Ekonomi, Keselamatan Sosial, dan Keselamatan Alam Sekitar.

Keselamatan sempadan pula, adalah penting bagi keselamatan negara kerana ia merupakan barisan pertahanan pertama terhadap ancaman luar. Sempadan menentukan wilayah dan kedaulatan negara, dan ia penting untuk mengekalkan kestabilan politik, ekonomi, dan sosial negara.³⁷ Pengurusan sempadan yang berkesan sangat penting untuk mencegah kemasukan pendatang haram, pengganas, penyeludup, dan unsur-unsur jenayah lain yang membahayakan keselamatan negara. Salah satu faktor utama yang mempengaruhi keselamatan negara adalah pergerakan manusia dan barang melintasi

sempadan. Pemandangan tanpa kawalan, pengedaran dadah, perdagangan manusia, dan aktiviti haram lain dapat menggugat sistem politik, ekonomi, dan sosial negara. Oleh itu, langkah-langkah keselamatan sempadan adalah perlu untuk mengawal dan memantau pergerakan orang dan barang melintasi sempadan bagi mencegah aktiviti sedemikian.

Hubungan antara keselamatan negara dan keselamatan sempadan adalah kompleks. Langkah-langkah keselamatan sempadan direka untuk melindungi integriti wilayah sesebuah negara, mencegah kemasukan elemen haram, dan menjaga keselamatan dan kesejahteraan warganya. Walau bagaimanapun, langkah-langkah keselamatan sempadan juga mempunyai akibat ekonomi dan sosial, kerana ia mempengaruhi pergerakan manusia dan barang melintasi sempadan. Langkah-langkah keselamatan sempadan yang berkesan adalah penting untuk mengekalkan keselamatan negara, tetapi ia juga perlu seimbang dengan pertimbangan lain, seperti perdagangan, pelancongan, dan pertukaran budaya. Oleh itu, dasar keselamatan sempadan harus dibangunkan berdasarkan analisis komprehensif kepentingan keselamatan negara dan faktor-faktor ekonomi dan sosial yang mempengaruhi pengurusan sempadan.³⁸ Dalam kes Malaysia dan Indonesia, kerjasama antara kedua-dua negara untuk meningkatkan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan adalah penting untuk keselamatan negara kedua-dua negara. Sebagai negara jiran, Malaysia dan Indonesia berkongsi sempadan darat yang panjang dan terdedah, menjadikannya rentan terhadap aktiviti jenayah lintas sempadan, seperti penyeludupan, pendatang haram, dan perdagangan manusia. Aktiviti-aktiviti ini boleh mengganggu kawasan Sempadan, mengancam keselamatan rakyat, dan merosakkan keselamatan kedua-dua negara. Kerjasama antara Malaysia dan Indonesia untuk meningkatkan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan melibatkan rondaan bersama, perkongsian maklumat perisikan, dan pembangunan infrastruktur. Kerjasama ini membantu kedua-dua negara untuk mengenal pasti dan menghalang aktiviti jenayah di sempadan, mencegah kemasukan pendatang haram, dan mengurangkan aliran pengedaran dadah dan barang haram lain. Keselamatan sempadan yang meningkat juga membantu menguatkan keselamatan politik dan sosial kedua-dua negara dengan mencegah kehadiran kumpulan-kumpulan ekstremis dan ancaman keselamatan lain.

Secara kesimpulannya, keselamatan nasional adalah konsep yang kompleks yang meliputi pelbagai dimensi, termasuk faktor ketenteraan, ekonomi, politik, sosial, dan alam sekitar. Keselamatan sempadan adalah penting untuk keselamatan negara kerana ia merupakan garis pertahanan pertama terhadap ancaman luar. Pengurusan sempadan yang efektif adalah penting untuk mencegah aktiviti haram yang mengancam keselamatan negara, tetapi dasar keselamatan sempadan juga harus seimbang dengan faktor ekonomi dan sosial yang mempengaruhi pengurusan sempadan. Oleh itu, pembuat dasar harus membangunkan dasar keselamatan sempadan berdasarkan analisis komprehensif kepentingan keselamatan negara dan faktor ekonomi dan sosial yang mempengaruhi pengurusan sempadan.

Syor kerjasama untuk meningkatkan keselamatan Sempadan Sarawak- Kalimantan

Peningkatan kerjasama di antara penguatkuasa keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan perlu dimantapkan melalui pendekatan seperti berikut:

- i. Rondaan bersama di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan

Kerajaan Malaysia mempunyai hubungan diplomatik yang erat dengan Kerajaan Indonesia dalam usaha kerjasama mengatasi aktiviti jenayah rentas sempadan di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan, dimana pihak PDRM sentiasa berhubung rapat dengan pihak Polis Republik Indonesia (POLRI) serta Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Darat (TNI-AD) melalui aktiviti pertukaran maklumat risikan serta mengadakan operasi bersama di sekitar kawasan keselamatan sempadan.³⁹

Perkara ini berlangsung kerana wujudnya koordinasi erat antara Pentadbiran POLRI, TNI, PGA serta kerjasama pasukan tentera kedua-dua negara.

Sempadan Sarawak-Kalimantan meliputi kepanjangan 2000 kilometer memerlukan sistem pengawalan sempadan secara bersepadu. Rondaan pencegahan aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan dilaksanakan oleh pasukan keselamatan secara berkala terutamanya di kawasan yang menjadi laluan utama penyeludupan ke negeri Sarawak.⁴⁰ Sementara itu, pasukan keselamatan seperti Batalion Keenam Rejimen Sempadan telah menjalankan rondaan secara berkala dikawasan sempadan bagi mencegah aktiviti penyeludupan dengan berjalan kaki hingga ke kawasan batu sempadan negara.⁴¹ Ini disebabkan kawasan batu sempadan yang tidak berpagar dengan mudah telah menjadi laluan haram kemasukan penyeludup dari Indonesia mahupun Sarawak.

Antara contoh operasi rondaan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand yang telah dijalankan oleh Rejimen Sempadan adalah seperti OPS BENTENG iaitu operasi rondaan ke kawasan sempadan secara berjalan kaki serta menggunakan kenderaan dan turut disertai oleh pihak TNI-AD.⁴² Manakala latihan secara berkala telah dijalankan di antara pihak Indonesia dengan Malaysia melalui program latihan keselamatan sempadan yang dilaksanakan secara berkala setahun atau dua tahun sekali.⁴³ Hampir keseluruhan kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan diliputi dengan hutan tebal. Situasi ini telah dimanipulasi oleh sindiket penyeludupan dan penjenayah sama ada dari Sarawak atau Kalimantan untuk mencerooboh masuk sempadan negara melalui laluan lorong tikus ataupun jalan gajah. Oleh yang demikian, aktiviti rondaan bagi mencegah aktiviti jenayah rentas sempadan adalah penting bagi meningkatkan kawalan keselamatan sempadan. Pasukan Gerakan Am PDRM serta Rejimen Sempadan pernah menjalankan aktiviti rondaan bersama pasukan keselamatan Indonesia melibatkan pasukan TNI-AD dan Pasukan Polis Pengawal Sempadan POLRI⁴⁴ Operasi di peringkat taktikal telah dijalankan terutamanya melibatkan aspek rondaan secara berkala di sempadan Malaysia-Thailand berdasarkan sektor kawasan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh negara masing-masing.⁴⁵ Pada masa yang sama, pihak PGA PDRM telah bekerjasama rapat dengan pihak TNI-AD terutamanya apabila menjalankan operasi di kawasan sempadan dengan melakukan lawatan ke markas-markas taktikal yang terletak di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan.⁴⁶

ii. Pertukaran maklumat risikan antara agensi penguatkuasaan keselamatan sempadan kedua-dua negara

Selain dari kerjasama melibatkan aktiviti rondaan di kawasan sempadan, Kerajaan Malaysia dan Indonesia sentiasa bekerjasama dalam aktiviti pertukaran maklumat risikan melibatkan kegiatan jenayah rentas sempadan antara kedua-dua pasukan keselamatan. Kerjasama yang dijalankan melibatkan pertukaran maklumat perisikan di antara pihak Malaysia dengan pasukan TNI-AD atau pasukan pengawalan sempadan POLRI sebagai usaha bagi mengatasi masalah penyeludupan serta jenayah di kawasan sempadan, melibatkan pertukaran maklumat berkaitan laluan kemasukan sindiket penyeludupan melalui lorong-lorong tikus atau jalan gajah di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan.⁴⁷ Secara dasarnya aktiviti pertukaran maklumat perisikan antara kedua-dua pasukan keselamatan dijalankan dengan bermatlamat untuk membanteras sebarang bentuk ancaman yang wujud melibatkan aktiviti jenayah rentas sempadan seperti aktiviti penyeludupan dadah rokok, minuman keras serta barangan bersubsidi kawalan Kerajaan Malaysia di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan⁴⁸ Dalam pada itu, aktiviti pertukaran maklumat risikan tidak dijalankan oleh pihak Rejimen Sempadan Tentera Darat Malaysia dengan pihak pasukan keselamatan sempadan Indonesia disebabkan faktor kerahsiaan maklumat serta karenah birokrasi pentadbiran⁴⁹

iii. Menaiktaraf keperluan logistik pasukan keselamatan sempadan

Kerajaan Malaysia perlu melihat secara menyeluruh keadaan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand yang turut menjadi salah satu sebab kemasukan dadah dari luar negara. Faktor geografi sempadan serta isu keperluan logistik oleh agensi penguatkuasaan adalah perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dalam memastikan operasi pengawalan sempadan daripada sebarang bentuk ancaman yang terhasil daripada aktiviti jenayah rentas sempadan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Sebagai contoh, penggunaan drone dalam proses pengawalan sempadan oleh PGA dan Rejimen Sempadan perlu diperbesar dengan menambahkan bilangan unit drone dalam pasukan. Penggunaan *drone* berteknologi tinggi boleh digunakan untuk mengawal keselamatan kawasan sempadan. Penggunaan *drone* bagi meningkatkan keselamatan sempadan dapat dilaksanakan melalui aktiviti pengumpulan maklumat risikan dari udara.⁵⁰ Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang timbul melalui penggunaan *drone* seperti faktor hubungan komunikasi *drone* yang memerlukan pengendali terlatih serta faktor logistik seperti talian internet yang diperlukan bagi pengoperasian *drone* berteknologi tinggi.⁵¹

Pelaksanaan penggunaan *drone* oleh pihak *European Border and Coast Guard Agencies* sebagai alat pemantauan bagi mengelakkan insiden pencerobohan sempadan negara disebabkan kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin ke wilayah Kesatuan Eropah secara efektif.⁵² Kepentingan penggunaan *drone* yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat dalam menjalankan aktiviti pengawalan sempadan bagi menghalang kemasukan dadah oleh sindiket penyeludupan dadah antarabangsa dari Mexico, apabila penggunaan *drone* telah berjaya mengesan lebih dari 300 kes pencerobohan sempadan secara haram.⁵³

Secara umumnya penggunaan *drone* membenarkan pasukan keselamatan memantau kawasan sempadan dalam skala lebih besar dan meluas melalui pandangan udara. Pada ketika ini penggunaan *drone* telah mula digunakan oleh unit-unit keselamatan sempadan seperti Pasukan Gerakan Am PDRM serta Rejimen Sempadan Tentera Darat Malaysia. penggunaan *drone* bagi menjalankan pemantauan di kawasan sempadan mula diperluaskan penggunaannya di unit-unit kawalan sempadan melibatkan unit Rejimen Sempadan.⁵⁴ Satu seksyen khas *drone* telah diwujudkan bagi Rejimen Sempadan di bawah pemerintahan Markas Pemerintahan 31 Briged Infantri Malaysia.⁵⁵ Rejimen Sempadan telah mengambil inisiatif untuk menggunakan *drone* sebagai langkah bagi meningkatkan kawalan sempadan Sarawak-Kalimantan dan sudah tentu dapat membantu meningkatkan kecekapan dalam memantau kawasan sempadan daripada terus dicerobohi oleh sindiket penyeludupan serta aktiviti jenayah rentas sempadan dari luar negara.⁵⁶

Dari sudut kepentingan strategik, penggunaan *drone* dapat memberikan kemudahan kepada anggota keselamatan untuk mengawal kawasan sempadan yang sukar diakses disebabkan masalah bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan berhutan tebal.⁵⁷ Kenyataan ini disokong oleh Mohd Hafihazman berdasarkan pengalaman beliau melihat keberkesanan penggunaan *drone* bagi mengawal sempadan.⁵⁸ Penggunaan *drone* bagi memantau kawasan sempadan berupaya untuk mendedahkan pelbagai jenis maklumat risikan di kawasan sempadan yang amat membantu pasukan dalam mengatasi kegiatan jenayah rentas sempadan di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan. Penggunaan *drone* dalam proses pengawalan sempadan Sarawak-Kalimantan adalah satu keperluan logistik bagi pasukan keselamatan seperti Pasukan Gerakan Am dan Rejimen dalam memudahkan proses pengumpulan maklumat risikan dari udara sekaligus dapat mengesan lokasi lorong-lorong tikus yang terletak berhampiran kawasan sempadan.⁵⁹

Penggunaan *drone* dapat menjimatkan masa pasukan keselamatan untuk mengesan lokasi pencerobohan aktiviti jenayah rentas sempadan di kawasan sempadan serta memberikan kelebihan kepada pasukan keselamatan untuk menangkap kumpulan penyeludup yang beroperasi di kawasan

sempadan Sarawak-Kalimantan.⁶⁰ Walaubagaimanapun, pelaksanaan tersebut memerlukan sejumlah besar peruntukan kewangan.⁶¹ Oleh yang demikian Kerajaan Malaysia di bawah pentadbiran Kementerian Dalam Negeri perlu berusaha untuk melengkapkan setiap agensi penguatkuasaan dengan unit *drone* sebagai langkah bagi memperkemas lagi kawalan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan dalam usaha meningkatkan keselamatan sempadan. walaupun kos untuk membeli *drone* memerlukan peruntukan kewangan yang besar, tetapi langkah ini merupakan satu keperluan logistik bagi memastikan keselamatan sempadan negara dapat dipertingkatkan daripada terus dicerobohi oleh sindiket penyeludupan serta aktiviti jenayah rentas sempadan pada masa hadapan.⁶²

Selain daripada itu, pihak kerajaan perlu meningkatkan keperluan logistik yang diperlukan oleh pasukan keselamatan sempadan seperti menaiktaraf pos-pos kawalan sempadan. Pos-pos kawalan sempadan telah dibina di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan. Pos kawalan adalah sebuah bangunan yang mampu menempatkan 15-30 orang anggota pasukan keselamatan yang dilengkapi dengan kemudahan seperti bilik tidur, bilik mesyuarat, tandas, surau serta dilengkapi dengan peralatan asas bagi tujuan memasak.⁶³ Walaubagaimanapun, terdapat beberapa pos kawalan sempadan yang berada dalam keadaan daif dan perlu dinaiktaraf bagi memberikan keselesaan kepada anggota yang bertugas di kawasan sempadan.⁶⁴

Pada masa yang sama, keperluan logistik pasukan perlu dinaiktaraf bagi meningkatkan kecekapan pasukan dalam menjalankan operasi rondaan di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan.⁶⁵ Sebagai contoh, terdapat kereta yang digunakan oleh PGA yang telah usang dan perlu ditukar. Selain daripada itu, keperluan untuk mendapatkan peralatan seperti motorsikal *scrambler* ataupun Kenderaan Bentuk Mukabumi Pelbagai ataupun dikenali sebagai *All Terrain Vehicles* (ATV) amat diperlukan bagi membolehkan pasukan keselamatan sempadan seperti PGA dan Rejimen Sempadan menjalankan rondaan di sekitar kawasan sempadan yang mempunyai bentuk muka bumi yang diliputi hutan serta jalan tanah merah yang tidak berturap.⁶⁶ Pembangunan sumber logistik dilihat dapat mengukuhkan lagi keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan sekaligus mampu meningkatkan lagi kecekapan anggota pasukan keselamatan dalam usaha membanteras aktiviti jenayah rentas sempadan khususnya di negeri Sarawak

Kepentingan syor kerjasama keselamatan Sempadan Sarawak- Kalimantan

Kerjasama bagi mewujudkan satu sistem keselamatan sempadan yang lebih berkesan perlu dijalankan oleh pihak KDN serta Kerajaan Negeri Sarawak dalam usaha meningkatkan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan. Diantara cadangan yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah dengan menubuhkan Pejabat Jawatankuasa Keselamatan Sempadan Darat Sarawak-Kalimantan di Kuching dan Pontianak. Kerajaan Malaysia dan Indonesia mempunyai hubungan yang baik dalam isu pengurusan sempadan melalui mesyuarat Jawatankuasa Sempadan Am Malaysia-Indonesia yang berjalan sejak dari tahun 1971.⁶⁷ Walaubagaimanapun, di peringkat negeri, satu pejabat cawangan Jawatankuasa Keselamatan Sempadan Darat Sarawak-Kalimantan boleh ditubuhkan bagi meningkatkan kerjasama dari segi pertukaran maklumat risikan, latihan pencegahan penyeludupan di kawasan sempadan, rondaan bersama pasukan kedua-dua negara serta aktiviti pentadbiran sempadan kedua-dua negara.

Penubuhan Pejabat Jawatankuasa Keselamatan Sempadan Darat Sarawak-Kalimantan di bandar Kuching dan Pontianak dapat dilaksanakan dengan menempatkan pegawai penghubung ataupun *Liason Officer* kedua-dua negara.⁶⁸ Sebagai contoh, Mohd Abdullah berpendapat bahawa seorang pegawai PGA Polis Diraja Malaysia dan Rejimen Sempadan boleh ditempatkan di pejabat cawangan Pontianak manakala, seorang pegawai TNI-AD dan POLRI akan ditempatkan di pejabat cawangan Kuching.⁶⁹ Langkah ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan isu karenah birokrasi

dalam pentadbiran kawalan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan. Pada masa yang sama, aktiviti pertukaran maklumat risikan sempadan dapat dijalankan dengan baik melalui sesi perkongsian maklumat yang dijalankan secara berkala. Tidak dinafikan, maklumat risikan adalah sejenis maklumat bersifat sulit dan mempunyai darjah kerahsiaan yang tinggi. Akan tetapi, maklumat tersebut boleh dikawal sekiranya ia diuruskan dengan baik. Tidak salah sekiranya beberapa maklumat kerahsiaan yang melibatkan maklumat seperti laluan tikus di kawasan sempadan ataupun senarai nama ahli kumpulan penyeludup yang beroperasi di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan dapat ditukar bersama pihak pasukan keselamatan sempadan kedua-dua negara.

Kerajaan Malaysia perlu lebih berusaha bagi meningkatkan keselamatan sempadan Malaysia-Indonesia dengan melaksanakan pembinaan pagar keselamatan di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan. Pembinaan pagar keselamatan di kawasan sempadan boleh dilaksanakan dengan menumpukan kawasan *hotspot* yang menjadi laluan kemasukan utama aktiviti jenayah rentas sempadam.⁷⁰ Pagar keselamatan juga boleh dilengkapi dengan penggunaan alat pemantauan sempadan yang menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan ataupun Artificial Intelligence seperti penggunaan Sistem Litar Televisyen Tertutup yang mempunyai kemampuan sistem pengesanan pada waktu malam atau night vision capability serta sensor pengesanan terma haba ataupun *Infrared Detection Systems* yang boleh digunakan bagi memantau laluan kemasukan penyeludup di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan.⁷¹ Pembinaan pagar keselamatan sedikit sebanyak mampu menghalang pencerobohan sempadan di kawasan yang menjadi tumpuan sindiket penyeludupan sama ada dari Malaysia ataupun Indonesia. Pembinaan pagar keselamatan juga akan memperlahankan kemasukan barangan haram dan ia sekaligus akan menyukarkan pergerakan aktiviti sindiket penyeludupan yang mungkin terpaksa melalui jalan tikus yang jaraknya lebih jauh untuk sampai ke destinasi yang ditujui mereka.⁷²

Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu mempertimbangkan cadangan bagi menambahkan bilangan unit *drone* dalam pasukan keselamatan sempadan seperti PGA dan Rejimen Sempadan. Bilangan *drone* yang dimiliki oleh pasukan keselamatan sempadan di negeri Sarawak masih lagi tidak mencukupi.⁷³ Langkah penambahan peruntukan kewangan pasukan bagi tujuan pembelian *drone* adalah salah satu kaedah yang boleh dilaksanakan dengan kadar segera. Pembesaran unit *drone* adalah salah satu kaedah yang bernas dalam usaha membanteras aktiviti pencerobohan sempadan oleh sindiket penyeludupan. Penggunaan *drone* dalam tinjauan risikan melalui udara dapat membantu pasukan keselamatan dalam mengenalpasti laluan tikus atau laluan gajah melalui tinjauan udara terutamanya di kawasan yang sukar untuk dicapai kerana faktor bentuk mukabumi sempadan yang bergunung-ganang serta dilitupi dengan hutan tebal. Penggunaan *drone* juga mampu menjimatkan masa rondaan pasukan keselamatan di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan melalui maklumat risikan yang disalurkan oleh unit drone, rondaan boleh dijalankan di kawasan tertentu berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui tinjauan udara.

Pos-pos kawalan sempadan juga boleh dibina dengan lebih banyak khususnya di kawasan yang menjadi laluan masuk utama sindiket penyeludupan. Pos kawalan sempadan yang berusia ataupun telah usang perlu dinaiktaraf bagi mengutamakan kebajikan anggota yang menetap di pos kawalan sempadan.⁷⁴ Dalam pada itu, cadangan pembelian peralatan seperti kenderaan pacuan empat roda yang baharu serta motorsikal *scrambler* juga dapat membantu pasukan keselamatan dalam menjalankan rondaan di kawasan sempadan dengan lebih cekap lagi.⁷⁵ Cadangan-cadangan diatas adalah disarankan perlu menjadi keutamaan pihak kerajaan, kerana dapat membantu meningkatkan kawalan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan serta memperbaiki kelemahan sempadan yang wujud selama ini. Walaubagaimanapun, cadangan tersebut memerlukan ketelitian dalam proses perancangan pembangunan strategik oleh pihak KDN serta memerlukan sejumlah besar peruntukan kewangan bagi membolehkan ia dilaksanakan dengan jayanya. Akan tetapi, pihak kerajaan tidak boleh berkompromi dalam isu pengawalan keselamatan sempadan daripada terus dicerobohi oleh

aktiviti jenayah rentas yang dilihat sebagai ancaman terhadap keselamatan nasional negara Malaysia dalam tempoh jangka masa panjang.

Selain itu, kerjasama dari semua agensi yang telah diberikan mandat untuk menjaga keselamatan sempadan perlu dipertingkatkan. Jika mengambil contoh *National Task Force* (NTF) yang pernah ditubuhkan sewaktu awal tahun 2020, iaitu untuk mengekang kemasukan manusia yang berisiko membawa wabak ini dan mengurangkan penyebaran Covid – 19 dimana ia telah men⁷⁶ Ini menunjukkan jika semua agensi dalam negara memberikan komitmen dan kerjasama yang baik maka keselamatan sempadan dapat dipertingkatkan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kerjasama di antara agensi penguatkuasa keselamatan sempadan Sarawak dan Kalimantan perlu diperkukuhkan melalui pelbagai pendekatan. Salah satu pendekatan ini adalah rondaan bersama sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan, yang penting dalam mencegah aktiviti jenayah rentas sempadan. Sempadan yang merentasi lebih daripada 2000 kilometer memerlukan sistem kawalan sempadan yang terintegrasi. Rondaan pencegahan yang dilakukan secara berkala oleh pasukan keselamatan di kawasan-kawasan utama sempadan berkesan dalam mencegah aktiviti penyeludupan, dan rondaan seperti ini harus dilakukan dengan berkoordinasi dengan pasukan keselamatan Indonesia. Pertukaran maklumat perisikan antara agensi penguatkuasaan keselamatan kedua-dua negara juga penting untuk menangani aktiviti jenayah rentas sempadan. Keberhasilan pelaksanaan pendekatan ini hanya dapat dicapai melalui kerjasama dan koordinasi yang rapat antara pasukan keselamatan kedua negara. Oleh itu, kerajaan Malaysia dan Indonesia perlu terus memperkuat hubungan diplomasi mereka dan meningkatkan kerjasama dalam keselamatan sempadan untuk memastikan keselamatan rakyat mereka. Untuk meningkatkan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan, kerjasama antara KDN dan kerajaan negeri Sarawak adalah penting. Penubuhan pejabat cawangan Jawatankuasa Keselamatan Sempadan bagi Sarawak-Kalimantan di Kuching dan Pontianak boleh dilaksanakan untuk memudahkan pertukaran maklumat perisikan, rondaan bersama, dan aktiviti pentadbiran antara kedua-dua negara. Selain itu, penghantaran pegawai perhubungan di setiap pejabat dapat membantu mengurangkan isu birokrasi. Pembinaan pagar keselamatan di kawasan-kawasan panas juga boleh dipertimbangkan, di samping penggunaan teknologi terkini seperti sistem pemantauan berasaskan *Artificial Intelligent* (AI) dan sensor pengesanan haba. Selain itu, peningkatan bilangan *drone* dalam unit keselamatan sempadan boleh meningkatkan keupayaan pengawasan. Langkah-langkah yang dicadangkan dapat memperkuat keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan dan mencegah aktiviti jenayah rentas sempadan. Akhirnya, dengan pengurusan yang baik dan kerjasama yang kuat, pertukaran maklumat sensitif antara kedua-dua negara boleh difasilitasi untuk meningkatkan keberkesanan keselamatan sempadan.

Penghargaan

Ucapan terima kasih diucapkan kepada Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman Polis Diraja Malaysia, Yang Dihormati Dato' Sri Hazani bin Ghazali atas kebenaran yang diberikan untuk menjalankan temubual bersama Komander Pasukan Gerakan Am Briged Sarawak serta Batalion ke-11 Pasukan Gerakan Am. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Berusaha Mejar Jeneral Hassan bin Embong, Panglima Markas Divisyen Pertama Infantri Malaysia di atas kebenaran untuk menembual anggota dan pegawai Markas ke-31 Briged Infantri Malaysia serta Batalion Ke-6 Rejimen Sempadan. Penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

kerana membiayai penyelidikan di bawah geran CRG/UPNM/2021/SSK/8.

Nota

¹ Lumenta, D. The Political Economy of Ending Headhunting in Central Borneo: Inter-colonial and Kenyah perspectives on the 1924 Kapit Peacemaking Agreement and its aftermath. *Modern Asian Studies*, 51, no. 4, 2017, pp. 1070 – 1098.

² Dana Aditiasari. “Begini Megahnya Pos Perbatasan Nanga Badau yang Diresmikan Jokowi”. *Detikcom*. 17 Mac 2017.

³ Julie, T.G.H. *Sejarah Perdagangan dan Kekeluargaan dalam Menjadi Penerus Kepada Penyeludupan Barangan dalam kalangan Komuniti Sempadan di Kalimantan Barat dan Sarawak: Kajian Kes Sempadan Lubok Antu-Badau*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), no. 6, 2019, hlm. 45 -55.

⁴ Julie, T.G.H & Gusni Saat. *Faktor Kelangsungan Penyeludupan Barangan di Sempadan Malaysia, Sarawak (Lubok Antu) dan Indonesia, Kalimantan Barat (Badau)*. Akademika, 90, no.1, 2020, hlm. 49-62

⁵ Ruhanas Harun. Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama dua hala Malaysia dan negara-negara jiran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 36, 2009, hlm. 16–40.

⁶ Mohd Zainol, N. A., Jusop, A. Z., Ridzuan, A. A., & Kamaruddin, S. Managing Malaysian Border: the Challenges and Prospects in Maintaining Security. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Works*, 1, no. 3, 2019, pp. 01–13.

⁷ Rahim Anuar, Kamarulnizam Abdullah, Shafii Anuar, & Eby hara. Little Brother-Big Brother Relationship through Malaysia-Indonesia Sosek-Malindo initiatives: A case study of Entikong-Tebedu border. *Man in India*, 97, no. 4, 2018, pp. 55-67.

⁸ Yohanes, E., Setiyono, J. Optimizing the Security of the Indonesian State through Strengthening International Co-operation between Indonesia and Malaysia in the Land Border. *Jurnal Hukum Prasada*, 7, no. 1 2020, pp. 1-7.

⁹ Che Ghazali bin Che Awang. Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari. 2023.

¹⁰ Rizuan bin Makladin. ASP Risik PGA Briged Sarawak, *Temubual*, 13 Februari, 2023.

¹¹ Passas, N. Cross-border crime and the interface between legal and illegal actors. In *Transnational Financial Crime*, Routledge, London, 2017, pp. 443-462.

¹² Sulehan, J., et al. Development at the Margins: Livelihood and Sustainability of Communities at Malaysia-Indonesia Borders. *Sociologija i prostor/Sociology & Space*, 51, no. 3 2013, pp. 542- 562.

¹³ Shaikh Abdul Adzis Shaikh Abdullah. Timbalan Komander PGA Briged Sarawak Sarawak. *Temubual*, 13 Februari. 2023.

¹⁴ Habibah, A., Hamzah, J., Er, A. C., Amriah, B., Sivapalan, S., Nur Farahin, Z., Mohd Kamarulnizam, A. & Sri Winarwi, S. Mengurus pelancongan sempadan Malaysia-Thailand: Kesepaduan atau konflik. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 10, no. 8, 2017, hlm. 65-71.

¹⁵ Ahmad Zulnasri, A. K. Kawalan Imigresen dan Pembentukan Negara: Perkembangan dan Perubahan di Tanah Melayu Daripada Zaman Kesultanan Melaka Ke Era Malaysia Moden. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46, no. 2, 2019, hlm. 272-294.

¹⁶ Rafidah, H., Nor Azizan, I. & Zarina, O. Penyeludupan Senjata Api di Sempadan Malaysia-Thailand dan Ancamannya Ke Atas Keselamatan Insan. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46, no. 2, 2019, hlm. 79-117.

¹⁷ Khairuldin, S. *Peranan agensi kawalan sempadan Malaysia dalam membanteras kegiatan salah penyeludupan rokok: satu kajian kes di Pengkalan Kubur, Kelantan*. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2019.

¹⁸ Junaenah Sulehan, Noor Rahmah Abu Bakar, Abd Hair Awang, Mohd Yusof Abdullah & Ong, P. L. Development at the Margins: Livelihood and Sustainability of Communities at Malaysia-Indonesia Borders. *Sociology & Space*, 51, no. 3, 2013, hlm. 547-562.

¹⁹ Chalita, B. & Thaweesak, P. Bilateral Cooperation to Develop Thailand-Malaysia Border Economy to Promote Human Security. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 14, no. 2, 2020, pp. 1245-1259.

²⁰ Sheikh, M. N., S. M. A., Siti Asroh, M., & Salleh, M. N. Personaliti Dan Integriti Dalam Kalangan Penguatkuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, 3. 2021, hlm. 166-182

²¹ Norilyani, M. N., Marina, A. M. & Andika, A. W. From Migrant Smuggling Activities: A Preliminary Assessment. *Resmilitaris*, 12, no. 2, 2022, pp. 7213-7226.

²² Abdul Rahim, A. & Rusdi, O. *Malaysian-Thailand Border Security and Development: A Case Study of Non-Traditional Threats Spillover Effects on Socioeconomic Progress in NCER-Kedah and Perlis*. Kertas persidangan dibentangkan di Maktab Terus Angkatan Tentera, PUSPAHANAS, Putrajaya. 2023.

²³ Polner, M. Coordinated border management: from theory to practice. *World Customs Journal*, 5, no. 2, 2011, pp. 49-64.

²⁴ Arifin, Z., Norian, M., Razali, I., Noorbahri, B., Junaidah, A. R., Nazirah, H. & Seng Giaw. T. *Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Penemuan Kem Penempatan Sementara Dan Kubur di Wang Kelian, Perlis*. 2019.

²⁵ Flick, U. *An introduction to Qualitative Research*, Sage Publication. London, 2006

²⁶ Barbour, R. *Introducing Qualitative Research*, Sage Publication, London, 2008.

²⁷ Muthiah, P. *Qualitative Research: Data Collection and Data Analysis Techniques*. Universiti Utara Malaysia Press, Sintok, 2008.

²⁸ Buzan, B. *People, State, and Fear*, Harvester Wheatsheaf Michigan, 1983.

²⁹ Lippmann, R. K. Frozen shoulder; peri-arthritis; bicipital tenosynovitis. *Archives of Surgery*, 47, no. 3, 1943, pp. 283-296.

³⁰ Wolfers, A. "National Security" as an ambiguous symbol. *Political Science Quarterly*, 67, no. 4, 1952, pp. 481-502.

³¹ Stone, G. R. *Free speech and national security*. *Indiana Law Journal*, 84, no. 3, 2009, pp. 939-960.

³² Wolfers, A. *Discord and Collaboration: Essays on International Politics*, Johns Hopkins Press. Baltimore, 1962.

³³ Wolfers, A. *Discord and Collaboration: Essays on International Politics*, Johns Hopkins Press, Baltimore, 1962.

³⁴ Buzan, B. New patterns of global security in the twenty-first century. *International affairs*, 67, no. 3, 1991, pp. 431-451.

³⁵ Buzan, B.; Wæver, O. & de Wilde, J. *Security: A New Framework for Analysis*, Lynne Rienner Publications, London, 1998.

³⁶ Harrison, G. Borders and security governance. In *The Routledge handbook of security studies* Routledge. London, 2009, pp.197-206.

³⁷ Gouda, H. A. The Relationship Between National Security and Border Security. *Journal of Borderlands Studies*, 33, no. 4, 2018, pp. 581-592.

³⁸ Mohd Zaimi bin Ismail, Pegawai Gerakan Batalion ke-11 PGA. *Temubual*, 13 Februari. 2023.

³⁹ Mohd Abdullah. Sarjan Risik Markas PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari 2023.

⁴⁰ Che Ghazali bin Che Awang. Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak. *Temubual*. 13 Februari. 2023.

⁴¹ Shishkov, B., Hristozov, S., Janssen, M., & Van den Hoven, J. Drones in land border missions: benefits and accountability concerns. In *Proceedings of the 6th International Conference on Telecommunications and Remote Sensing*, 2017, pp. 77-86.

⁴² Mohd Hafizhazman bin Hassan. ASP Gerakan PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari. 2023.

- ⁴³ Csernaton, R. Constructing the EU's high-tech borders: FRONTEX and dual-use drones for border management. *European Security*, 27, no. 2, 2018, pp. 175-200.
- ⁴⁴ Koslowski, R., & Schulzke, M.. Drones along borders: Border security UAVs in the United States and the European Union. *International Studies Perspectives*, 19, no. 4, 2018, pp. 305-324.
- ⁴⁵ Chester Anak Richard. Pegawai Staf 2 Gerak Markas 31 Briged Infantri Malaysia. *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁴⁶ Mohd Azmi bin Salim. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁴⁷ Francis Anak Jundus. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁴⁸ Zulkipli, S. T. B., & Askandar, K. Contextualisation of Human (In) security at the Sarawak-West Kalimantan Borderland. *East Asia*, 2021, pp. 1-21.
- ⁴⁹ Mohd Abdullah. Sarjan Risik Markas PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari 2023.
- ⁵⁰ Shahrizal Sa'ad & Mohd Iqbal Mohd Huda, *Ops Benteng: Peranan Agensi Keselamatan dalam Mengawal Sempadan Negara Semasa Situasi Pandemik Covid-19. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50, 3, 2023, hlm. 258-2
- ⁵¹ Mohd Hafizhazman bin Hassan. ASP Gerakan PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari. 2023.
- ⁵² Csernaton, R. Constructing the EU's high-tech borders: FRONTEX and dual-use drones for border management. *European Security*, 27, no. 2, 2018, pp. 175-200.
- ⁵³ Mohd Abdullah. Sarjan Risik Markas PGA Briged Sarawak, *Temubual*, 13 Februari 2023.
- ⁵⁴ Mohd Abdullah. Sarjan Risik Markas PGA Briged Sarawak, *Temubual*, 13 Februari 2023.
- ⁵⁵ Chester Anak Richard. Pegawai Staf 2 Gerak Markas 31 Briged Infantri Malaysia. *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁵⁶ Edwin Anak Lumu. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁵⁷ Rizuan bin Makladin. ASP Risik PGA Briged Sarawak. *Temubual*. 13 Februari. 2023.
- ⁵⁸ Mohd Hafizhazman bin Hassan. ASP Gerakan PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari. 2023.
- ⁵⁹ Che Ghazali bin Che Awang. Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak. *Temubual*. 13 Februari. 2023.
- ⁶⁰ Che Ghazali bin Che Awang. Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak. *Temubual*. 13 Februari. 2023.
- ⁶¹ Chester Anak Richard. Pegawai Staf 2 Gerak Markas 31 Briged Infantri Malaysia. *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁶² Mohd Hafizhazman bin Hassan. ASP Gerakan PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari. 2023.
- ⁶³ Mohd Azmi bin Salim. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁶⁴ Mohd Zaimi bin Ismail. Pegawai Gerakan Batalion ke-11 PGA. *Temubual*, 13 Februari. 2023.
- ⁶⁵ Rizuan bin Makladin, ASP Risik PGA Briged Sarawak. *Temubual*. 13 Februari. 2023.
- ⁶⁶ Francis Anak Jundus. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁶⁷ Zulkipli, S. T. B., & Askandar, K. Contextualisation of Human (In) security at the Sarawak-West Kalimantan Borderland, *East Asia*, 2021, pp.1-21.
- ⁶⁸ Mohd Zaimi bin Ismail. Pegawai Gerakan Batalion ke-11 PGA, *Temubual*, 13 Februari. 2023.
- ⁶⁹ Mohd Abdullah. Sarjan Risik Markas PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari 2023.
- ⁷⁰ Mohd Azmi bin Salim. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS), *Temubual*, 15 Februari. 2023.

- ⁷¹ Mohd Zaimi bin Ismail. Pegawai Gerakan Batalion ke-11 PGA. *Temubual*, 13 Februari. 2023.
- ⁷² Mohd Abdullah. Sarjan Risik Markas PGA Briged Sarawak, *Temubual*, 13 Februari 2023.
- ⁷³ Mohd Hafizhazman bin Hassan. ASP Gerakan PGA Briged Sarawak, *Temubual*, 13 Februari. 2023.
- ⁷⁴ Mohd Azmi bin Salim. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁷⁵ Chester Anak Richard. Pegawai Staf 2 Gerak Markas 31 Briged Infantri Malaysia. *Temubual*, 15 Februari. 2023.
- ⁷⁶ Shahrizal Sa'ad & Mohd Iqbal Mohd Huda, *Ops Benteng: Peranan Agensi Keselamatan dalam Mengawal Sempadan Negara Semasa Situasi Pandemik Covid-19. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50, 3, 2023, hlm. 258-274

Rujukan

- Abdul Rahim, A., & Rusdi, O. 2023. *Malaysian-Thailand Border Security and Development: A Case Study of Non-Traditional Threats Spillover Effects on Socioeconomic Progress in NCER-Kedah and Perlis*. Kertas persidangan dibentangkan di Maktab Terus Angkatan Tentera. PUSPAHANAS. Putrajaya.
- Abidin, Z. 2017. "The challenge of border security in Malaysia: The case of illegal immigration," *Journal of Politics and Law*, 10. no.4 : 41-48.
- Ahmad Zulnasri, A. K. 2019. "Kawalan Imigresen dan Pembentukan Negara: Perkembangan dan Perubahan di Tanah Melayu Daripada Zaman Kesultanan Melaka Ke Era Malaysia Moden," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46, no. 2: 272-294.
- Amer Fawwaz, M. Y. 2022. *Penyeludupan Dadah Dari Kawasan Segi Tiga Emas Thailand Serta Kesan Terhadap Keselamatan Nasional Negara Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Arifin, Z., Norian, M., Razali, I., Noorbahri, B., Junaidah, A. R., Nazirah, H., & Seng, Giaw. T. 2019. *Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Penemuan Kem Penempatan Sementara Dan Kubur di Wang Kelian, Perlis 2019*.
https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/UKOM/LAPORAN_RCI_BM_COM.pdf
- Barbour, R. 2008. *Introducing Qualitative Research*. London: Sage Publication.
- Berg, B. L. 2004. *Qualitative Research Method for Social Sciences*. Boston: Pearson Limited.
- Buzan, B. 1983. *People, State, and Fear*. Michigan: Harvester Wheatsheaf.
- Buzan, B. 1991. "New patterns of global security in the twenty-first century," *International affairs* 67, no. 3: 431-451.
- Buzan, B.; Wæver, O., & de Wilde, J. 1998. *Security: A New Framework for Analysis*. London: Lynne Rienner Publications.
- Chandra, Y. 2017. "Malaysia-Indonesia Border Security Cooperation: A Comprehensive Approach," *Southeast Asia Research* 25, no. 4: 291-307.
- Chalita, B., & Thaweesak, P. 2020. "Bilateral Cooperation to Develop Thailand-Malaysia Border Economy to Promote Human Security," *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 14, no.2 : 1245-1259.
- Che Ghazali bin Che Awang. 2023. Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari.
- Chester Anak Richard. 2023. Pegawai Staf 2 Gerak Markas 31 Briged Infantri Malaysia. *Temubual*, 15 Februari.

- Csernatori, R. 2018. "Constructing the EU's high-tech borders: FRONTEX and dual-use drones for border management," *European Security* 27, no. 2: 175-200.
- Daut, A. 2019. "Transborder Cooperation between Malaysia and Indonesia: From border to growth," *Journal of ASEAN Studies* 7, no. 1: 1-18.
- Dana Aditiasari. 17 Mac 2017. "Begini Megahnya Pos Perbatasan Nanga Badau yang Diresmikan Jokowi." *Detikcom*.
<https://finance.detik.com/berita-ekonomi-bisnis/d-3449199/begini-megahnya-pos-perbatasan-nanga-badau-yang-diresmikan-jokowi>
- Edwin Anak Lumu. 2023. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari.
- Flick, U. 2006. *An introduction to Qualitative Research*. London: Sage Publication.
- Francis Anak Jundus. 2023. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari.
- Ghani, F., Ahmad, M. I., & Noor, M. H. 2020. "The Malaysia-Indonesia border security: Issues and challenges," *International Journal of Humanities, Arts and Social Sciences* 6, no. 3 : 87-98.
- Gouda, H. A. 2018. "The Relationship Between National Security and Border Security," *Journal of Borderlands Studies* 33, no. 4: 581-592.
doi:10.1080/08865655.2018.1527892
- Habibah, A., Hamzah, J., Er, A. C., Amriah, B., Sivapalan, S., Nur Farahin, Z., Mohd Kamarulnizam, A., & Sri Winarwi, S. 2017. "Mengurus pelancongan sempadan Malaysia-Thailand: Kesepaduan atau konflik," *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 10, no. 8: 65-71.
- Harrison, G. 2009. Borders and security governance. In *The Routledge handbook of security studies*. London: Routledge.
- Julie, T.G.H. 2019. "Sejarah Perdagangan dan Kekeluargaan dalam Menjadi Penerus Kepada Penyeludupan Barangan dalam kalangan Komuniti Sempadan di Kalimantan Barat dan Sarawak: Kajian Kes Sempadan Lubok Antu-Badau," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4, no. 6: 45 -55.
- Julie, T.G.H., & Gusni Saat, 2020. "Faktor Kelangsungan Penyeludupan Barangan di Sempadan Malaysia, Sarawak (Lubok Antu) dan Indonesia, Kalimantan Barat (Badau)," *Akademika* 90, no. 1: 49-62.
- Junaenah Sulehan, Noor Rahmah Abu Bakar, Abd Hair Awang, Mohd Yusof Abdullah & Ong, P. L. 2013. "Development at the Margins: Livelihood and Sustainability of Communities at Malaysia-Indonesia Borders," *Sociology & Space* 51, no. 3: 547-562.
- Khairuldin, S. 2019. *Peranan agensi kawalan sempadan Malaysia dalam membanteras kegiatan salah penyeludupan rokok: satu kajian kes di Pengkalan Kubur, Kelantan* (Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia).
- Kamruzzaman, A., Hassan, A., & Khan, N. 2018. Malaysia-Indonesia Border Issues: Causes, Consequences and the Way Forward. *Journal of International Studies* 14, 2: 69-89.
- Koslowski, R., & Schulzke, M. 2018. "Drones along borders: Border security UAVs in the United States and the European Union," *International Studies Perspectives* 19, no. 4: 305-324.
- Lili, Y. A., & Mat, S. M. 2021. "Malaysia dan Asean: Kepentingan dan Pendekatan Malaysia Terhadap Asean, 1967-2017," *Sejarah: Journal of History Department University of Malaya* 30, no. 2: 116-13.
- Lai, Y. W., & Gunaratna, R. 2018. Cross-Border Cooperation to Counter Terrorism and Transnational Crime: The Malaysia-Indonesia Experience. *RSIS Working Paper*, 313.

- Lippmann, R. K. 1943. "Frozen shoulder; peri-arthritis; bicipital tenosynovitis," *Archives of Surgery* 47, no. 3: 283-296.
- Lumenta, D. 2017. "The Political Economy of Ending Headhunting in Central Borneo: Inter-colonial and Kenyah perspectives on the 1924 Kapit Peacemaking Agreement and its aftermath," *Modern Asian Studies* 51, no. 4: 1070-1098.
DOI: <https://doi.org/10.1017/S0026749X16000056>
- Mohd Abdullah 2023. Sarjan Risik Markas PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari 2023.
- Mohd Azmi bin Salim. 2023. Anggota Infantri Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari.
- Mohd Hafizhazman bin Hassan. 2023. ASP Gerakan PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari.
- Muhammad Hatta, K., Suhaidah, H., & Norwazli, A. W. 2022. "The Effectiveness of Border Crossing Management Between Malaysia & Thailand With Reference To Bukit Kayu Hitam-Sadao And Padang Besar-Padangbasa," *Journal of Governance and Integrity* 5, no. 3: 336-359.
- Mohd Nasri, N., Ngah, I., Yusof, N. M. 2020. "Challenges in cross-border crime: A study of Malaysia-Indonesia border," *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 12, no. 8: 296-311.
- Mohd Zaimi bin Ismail. 2023. Pegawai Gerakan Batalion ke-11 PGA. *Temubual*, 13 Februari.
- Mohd Zainol, N. A., Jusop, A. Z., Ridzuan, A. A., & Kamaruddin, S. 2019. "Managing Malaysian Border: the Challenges and Prospects in Maintaining Security," *International Journal of Politics, Public Policy and Social Works* 1, no. 3: 01-13.
- Muthiah, P. 2008. *Qualitative Research: Data Collection and Data Analysis* Techniques. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Norilyani, M. N., Marina, A. M., & Andika, A. W. 2022. "From Migrant Smuggling Activities: A Preliminary Assessment," *Resmilitaris* 12, no. 2: 7213-7226.
- Passas, N. 2017. "Cross-border crime and the interface between legal and illegal actors." In *Transnational Financial Crime* (pp. 443-462). London: Routledge.
- Polner, M. 2011. "Coordinated border management: from theory to practice," *World Customs Journal* 5, no. 2: 49-64.
- Pierce, R. 2008. *Research Methods in Politics: A Practical Guide*. London: Sage Publications.
- Rafidah, H., Nor Azizan, I., & Zarina, O. 2019. "Influencing External Factors for Small Arms Light Weapon Smuggling at Malaysia-Thailand Border," *Asian Social Science* 15, no. 3: 14.
- Rafidah, H., Nor Azizan, I., & Zarina, O. 2019. "Penyeludupan Senjata Api di Sempadan Malaysia-Thailand dan Ancamannya Ke Atas Keselamatan Insan," *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. 46, no. 2: 79-117.
- Rahim Anuar, Kamarulnizam Abdullah, Shafii Anuar & Eby hara. 2018. Little Brother-Big Brother Relationship through Malaysia-Indonesia Sosek-Malindo initiatives: A case study of Entikong-Tebedu border. *Man in India* 97, no. 24: 55-67.
- Rizuan bin Makladin. 2023. ASP Risik PGA Briged Sarawak. *Temubual*, 13 Februari.
- Ruhanas Harun. 2009. "Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama dua hala Malaysia dan negara-negara jiran," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 36, 16-40.
- Shahrizal Sa'ad & Mohd Ikbil Mohd Huda. 2023. "Ops Benteng: Peranan Agensi Keselamatan dalam Mengawal Sempadan Negara Semasa Situasi Pandemik Covid-19," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 3: 258-274.
- Shaikh Abdul Adzis Shaikh Abdullah. 2023. Timbalan Komander PGA Briged Sarawak Sarawak. *Temubual*, 13 Februari.

- Shishkov, B., Hristozov, S., Janssen, M., & Van den Hoven, J. 2017, November. Drones in land border missions: benefits and accountability concerns. In *Proceedings of the 6th International Conference on Telecommunications and Remote Sensing* (pp. 77-86).
- Sheikh, M. N., S. M. A., Siti Asroh, M., & Salleh, M. N. 2021. "Personaliti Dan Integriti Dalam Kalangan Penguatkuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia," *Jurnal Psikologi Keselamatan* 3, 166-182.
- Sinn, D., & Soares, N. 2014. "Historians' Use of Digital Archival Collections: The Web, Historical Scholarship, And Archival Research," *Journal of The Association for Information Science and Technology* 65, no. 9: 1794-1809.
- Stone, G. R. 2009. "Free speech and national security," *Indiana Law Journal* 84, no. 3: 939-960.
- Sulehan, J., et al. 2013. "Development at the Margins: Livelihood and Sustainability of Communities at Malaysia-Indonesia Borders," *Sociologija i prostor/Sociology & Space* 51, no. 3: 542- 562. <https://hrcak.srce.hr/file/170230>
- Tajul Hisham bin Mamat. 2023. Pegawai Memerintah Batalion Keenam Rejimen Sempadan (RS). *Temubual*, 15 Februari.
- UNODC. 2019. *Transnational Organized Crime in Southeast Asia: Evolution, Growth and Impact*. https://www.unodc.org/roseap/uploads/archive/documents/Publications/2019/SEA_TOCTA_2019_web.pdf
- Wolfers, A. 1952. "'National Security' as an ambiguous symbol," *Political Science Quarterly* 67, no. 4: 481-502. <http://www.jstor.org/stable/2145138>.
- Wolfers, A. 1962. *Discord and Collaboration: Essays on International Politics*. Baltimore: Johns Hopkins Press.
- Yohanes, E., Setiyono, J. 2020. "Optimizing the Security of the Indonesian State through Strengthening International Co-operation between Indonesia and Malaysia in the Land Border," *Jurnal Hukum Prasada* 7, no. 1: 1-7.
- Zulkipli, S. T. B., & Askandar, K. 2021. "Contextualisation of Human (In) security at the Sarawak-West Kalimantan Borderland," *East Asia*, 1-21.